

# Kementerian perlu seragamkan doa di sekolah

BA 5/7/03

SEREMBAN: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan digesa merumuskan formula terbaik bagi membolehkan doa yang dibaca pelajar dapat diseragamkan versinya dalam usaha menjana proses integrasi kaum di sekolah.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, yakin jika doa dapat diseragamkan, ia dapat dibaca dan difahami oleh semua pelajar sekali gus mengurangkan perbezaan antara kaum.

“Di sekolah, pelajar datang dari

semua bangsa, Justeru, kita harus mencari jalan untuk menjadikan suasana di sekolah kondusif kepada semua pelajar.

“Sehubungan itu, saya yakin sekiranya perkara itu diberi perhatian (seragam bacaan doa), kita mampu memupuk perpaduan kaum di sekolah,” katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Rendah Kebangsaan Puteri Ke-10 di sini, semalam.

Abdul Aziz yang juga Ahli Majlis

Tertinggi Umno berkata, pembacaan doa ketika sesuatu majlis di sekolah tidak seharusnya dilakukan oleh pelajar Melayu saja.

“Jadi, kita perlu mencari jalan supaya bacaan doa diseragamkan bagi membolehkan pelajar bangsa lain turut membaca dan memahaminya. Jadi, sekolah adalah tempat permulaan terbaik,” katanya.

Beliau berkata, cadangannya itu bukan satu bentuk gurauan atau kelakar kerana ia penting dalam memastikan kestabilan, kemakmu-

ran dan perpaduan antara kaum dapat diperkukuhkan.

Abdul Aziz berkata, perkara itu sudah dibincangkan di peringkat tertinggi termasuk bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, awal tahun ini di Kuala Lumpur.

“PM menpatikan persetujuan untuk menseragamkan bacaan doa. Bagaimanapun, ada pihak tertentu yang mentertawakan cadangan yang dikemukakan ini,” katanya.